




MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik sahaja). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan.** Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 3 bulan selepas tarikh tutup sebut harga.
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN.** Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi menawarkan harga yang munasabah. Sekiranya memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut, boleh berhubung dengan Jabatan yang berkaitan (seperti dalam naskah sebut harga). **Borang Sebut Harga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A).** Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebut harga.
3. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ASAL yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN.**

4. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD tidak akan menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
5. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh tutup sebut harga. Walau bagaimanapun Majlis berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai.
6. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
7. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak kontraktor terlibat dalam membuat pakatan harga dengan kontraktor-kontraktor lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
8. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **HASNOR BIN ABD HAMID**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson

Jawatan :

Tarikh : **6/11/2020**

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
S0104/24 RM150.00	KERJA-KERJA MENAIK TARAF JETI PULAU BURUNG & WATCH TOWER, PORT DICKSON	<u>G2</u> KATEGORI B & CE PENGKHUSUSAN B04 & CE21	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 13.11.2024 (RABU) hingga 19.11.2024 (SELASA)	Bahagian Perolehan, Aset & Stor MPPD Tarikh : 19.11.2024 (SELASA) Jam 12.00 t/hari

***NOTA – Hanya Surat Kebenaran Khas yang diperolehi dari CIDB / PKK sahaja yang diterima dan diperakukan.**

Dokumen lain seperti resit bayaran atau surat permohonan ke CIDB / PKK tidak akan diterima.

Kaunter Jualan Sebutharga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi - 1.00 tengahari
	-	2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat	-	8.30 pagi - 12.15 tengahari